

14/09/1999

Ramos tidak puas hati kemajuan EAGA

KUALA LUMPUR, Isnin - Filipina masih tidak berpuas hati dengan kemajuan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (EAGA) yang membabitkan proses kerjasama dagangan di antara negara itu dengan Brunei, Indonesia dan Malaysia (BIMP).

"Kita tidak boleh puas hati dengan keadaan sekarang," kata bekas Presiden Filipina, Fidel Ramos, pada sidang akhbar bersama dengan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, di sini hari ini.

Ramos percaya, masih banyak bidang yang perlu diterokai secara lebih meluas, termasuk pendidikan, pelaburan dan program pertukaran budaya kerana EAGA adalah satu pasaran membabitkan lebih 500 juta penduduk.

"Kerjasama dalam bidang berkenaan sepatutnya diperkukuhkan kerana ekonomi (negara Asia Timur) semakin pulih," katanya selepas melakukan kunjungan hormat selama setengah jam kepada Khalil.

EAGA dibentuk pada 1993 bertujuan membuka lebih banyak peluang perdagangan selain membangunkan aspek ekonomi, sosial dan kebudayaan BIMP.

Ditanya sama ada isu pemulihan ekonomi akan dibincangkan apabila beliau menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Rabu ini, Ramos berkata beliau tidak ada apa-apa topik khusus untuk dibincangkan.

Bagaimanapun, katanya, beliau bercadang untuk membincangkan secara mendalam kerjasama ekonomi dua hala, pembangunan industri pelancongan, kenderaan dan perlindungan alam sekitar.

Ramos adalah Pengerusi Yayasan Pembangunan dan Keamanan (RPDEV). Beliau tiba petang Sabtu lalu dan memulakan lawatan ke Pahang atas jemputan Menteri Besar, Datuk Adnan Yaakob.

(END)